

TEKS UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

PROGRAM DIGITAL@KKD

anjukan

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL

24 JUN 2023 | SABTU | 12 TENGAH HARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN
KAMPUS MACHANG

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil

Menteri Kementerian Komunikasi dan Digital

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Digital

Yang Berusaha Encik Ma. Sivanesan

Timbalan Ketua Setiausaha

(Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital)

Kementerian Komunikasi dan Digital

Yang Berhormat Tuan Syed Ibrahim Syed Noh

Pengerusi

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

Yang Berusaha Ts. Mahadhir Aziz

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Abdol Samad Nawi

Rektor UiTM Cawangan Kelantan

Pengurusan Tertinggi UiTM

Wakil-wakil dari Kementerian Komunikasi dan Digital, Telekom Malaysia Bhd., MDEC, KWSP, PERKESO, Tik Tok Malaysia, MCMC;

Kakitangan UiTM Kelantan, seluruh warga IPTA dan IPTS di Kelantan, Para Mahasiswa, Pelajar-pelajar Kolej, Politeknik, sekolah-sekolah, peserta Program Digital @ KKD, Rakan-rakan Media serta para hadirin sekalian.

[SALUTASI- kemaskini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam **PROGRAM [DIGITAL@K.K.D](#)** anjuran Kementerian Komunikasi dan Digital.

2. Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri ke UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang dalam melaksanakan '**Jelajah Saya Digital**', **MyDigital@K.K.D**, dan **PerantiSiswa 2.0** bagi meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia terhadap revolusi digital.

3. UiTM amat berbangga kerana sekali lagi diberi peluang untuk turut serta dalam program C.S.R yang dilaksanakan oleh Kementerian pada hari ini. Untuk makluman, UiTM pernah diberi tanggungjawab sebagai tuan rumah bagi majlis pembukaan pengagihan PerantiSiswa pada 3 September 2022 dan majlis

perasmian MyDigital@KKD pada 5 Mac 2023 yang lalu. Saya bersyukur kerana adanya sinergi yang wujud antara Kementerian dan UiTM. Terima kasih dan alhamdulillah.

Hadirin sekalian,

4. Seperti yang kita sedia maklum, pasca COVID-19 telah banyak mengubah gaya hidup kita semua. Pergerakan globalisasi semakin pantas dan slogan “dunia di hujung jari” benar-benar berlaku.

5. Segala yang membabitkan komunikasi dan urusan alam maya kini semakin rancak. Kemajuan teknologi ini telah memberikan impak positif bukan sahaja kepada sistem pendidikan malah dalam kehidupan kita seharian.

6. Dalam konteks pembelajaran, perlu kita akui bahawa, fasa pandemik telah menyumbang kepada penggunaan teknologi dalam medium pembelajaran alaf baharu yang dilihat mampu membantu melonjakkan

prestasi dan celik teknologi dalam kalangan pelajar dan mahasiswa.

7. Justeru itu, dengan adanya bantuan yang diberikan oleh Kementerian seperti PerantiSiswa, saya yakin, rata-rata yang telah menerima PerantiSiswa setuju bahawa ia banyak membantu mereka dalam capaian maklumat, pengambilan nota yang lebih efisien dan pembelajaran secara hibrid.

8. Saya dimaklumkan **lebih daripada 400 pelajar** menerima peranti pada hari ini. Semoga pelajar dan mahasiswa ini dapat memanfaatkannya untuk keperluan pembelajaran, seterusnya meningkatkan motivasi akademik sepanjang pengajian.

9. Saya juga dimaklumkan, pada awal program tadi, sesi perkongsian maklumat telah dilaksanakan oleh agensi-agensinya yang terlibat pada hari ini. Saya harap perkongsian tersebut dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

10. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan tahniah dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada bakal pemenang Literasi Digital yang akan diumumkan sebentar lagi.

Sekian.

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**